



KEMENTERIAN KERJA RAYA

KENYATAAN MEDIA

200 PENGGIAT INDUSTRI PEMBINAAN TERLIBAT DALAM MAJLIS BERDIALOG BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI KKR

KUALA LUMPUR – Dialog Kementerian Kerja Raya (KKR) 2024 telah diadakan pada hari ini menghimpunkan lebih dari 200 Penggiat Industri Pembinaan seluruh negara. Majlis Meja Bulat yang telah diadakan di Kompleks Kerja Raya, Kuala Lumpur bertujuan mewujudkan satu platform libat urus yang membolehkan pemain sektor pembinaan dan agensi kerajaan berbincang dan menentukan hala tuju selari dengan sumbangan besar industri ini kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) iaitu secara puratanya 3% hingga 5% setahun di samping pertumbuhan ekonomi Malaysia yang mula menampilkan tanda-tanda pemulihan pada kadar 4.2% pada suku pertama 2024.

2. Majlis Dialog ini telah menggarap pelbagai cabaran yang mendepani industri pembinaan meliputi ekonomi, perubahan teknologi, cabaran tenaga kerja, perubahan iklim, perubahan persekitaran dan cabaran faktor global yang serba pantas. Ini diharapkan dapat menatijahkan satu bentuk hala tuju sektor ini bagi jangkamasa 5 hingga 10 tahun ke hadapan.

3. Pengurusan tertinggi Kementerian Kerja Raya (KKR) yang terdiri dari YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya, YBhg. Datuk Seri Hj. Hasnol Zam Zam Bin Hj. Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya telah turut serta bersama tenaga penggerak Persatuan-Persatuan Industri Pembinaan, Persatuan Kontraktor Binaan Malaysia, Persatuan Kontraktor Perumahan Malaysia, Persatuan Kontraktor Bumiputera Malaysia, agensi kerajaan dan KKR serta agensi dibawahnya.

4. Majlis turut diserikan dengan sesi narasumber berkenaan Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SDKS) oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Peluasan Penggunaan *Building Information Modelling* (BIM) Dalam Industri Pembinaan Di Malaysia oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Inisiatif-Inisiatif Hijau oleh *Malaysian Green Technology And Climate Change*

Corporation (MGTC) serta Inisiatif National Technology and Innovation Sandbox (NTIS) dan Inisiatif Penggunaan Barangan dan Perkhidmatan Hasil R&D Tempatan (MySTI) oleh *Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation* (MRANTI).

5. Ini merupakan satu lagi bentuk jalinan dan kolaborasi sektor awam dan swasta yang dikira penting kepada kedua belah pihak yang akan menjadi input dalam merangka pelan pembangunan perniagaan (*business development plan*) dan pelan belanjawan 2025.

6. KKR akan memberi fokus berterusan terhadap industri pembinaan negara kerana industri ini merupakan pemangkin kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negara. Terdapat kolerasi yang signifikan antara sektor pembinaan dan perkembangan ekonomi di Malaysia terutama dalam penjanaan pendapatan negara, pembentukan modal insan dan penawaran pekerjaan yang selari dengan Kerangka Ekonomi Madani yang seharusnya akan memberi impak dan manfaat secara langsung mahupun tidak secara langsung kepada Rakyat Malaysia MADANI keseluruhannya.

#TAMAT#

KEMENTERIAN KERJA RAYA
13 OGOS 2024